

01 AUG 2003

Sabah-Air

SABAH SERAH PENGURUSAN AIR JIKA RANCANGAN PENSWASTAAN GAGAL

KOTA KINABALU, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Sabah akan menyerahkan pengurusan air kepada kerajaan pusat sekiranya rancangan baru penswastaan pengurusan air negeri itu kepada Ranhill Bhd tidak berjaya, kata Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman.

"Kita telah mengambil ketetapan untuk menswastakan air ini kepada syarikat swasta dan kalau kita berjaya, ini akan meringankan beban kita. Selain daripada itu kita ambil ketetapan sekiranya penswastaan ini tidak berjaya, kita akan minta kerajaan pusat untuk mengambil alih (pengurusan) air," katanya kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya dari Kuala Lumpur hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Air Negara baru-baru ini, telah mencadangkan supaya hak pengurusan air di negeri-negeri diserahkan kepada kerajaan pusat.

Musa sementara itu berharap rundingan mengenai rancangan penswastaan pengurusan air antara kerajaan negeri dan Ranhill dapat diselesaikan tahun ini.

Musa berkata jika rancangan penswastaan itu berjaya, ia akan meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri dalam membekalkan air kepada penduduk Sabah.

Pada masa kini, kerajaan negeri perlu membayar tunggakan lebih daripada RM600 juta termasuk faedah kepada tiga syarikat yang membekalkan air di Sabah iaitu Jetama Sdn Bhd, Timatch Sdn Bhd dan Lahad Datu Water Supply Sdn Bhd di bawah projek penswastaan sebelum ini.

Bagaimanapun laporan sebelum ini menyatakan jumlah kutipan bil air yang dikendalikan oleh Jabatan Air Sabah tidak mencukupi untuk membayar ketiga-tiga syarikat itu kerana masalah kecurian air dan kebocoran paip air.

-- BERNAMA

MK MOZ